



Ruj.Kami: JPA.500-8/6/4/7 (01)

Tarikh : 15 Mac 2018

Senarai seperti di Lampiran A

Tuan/Puan,

**JEMPUTAN SEBAGAI PESERTA KURSUS PEMANTAPAN DAN HALA TUJU
PENOLONG PEGAWAI TADBIR BAGI TAHUN 2018**

Dengan hormatnya saya diarah untuk merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Kursus Pemantapan dan Hala Tuju Penolong Pegawai Tadbir (PPT) bagi Tahun 2018 akan diadakan mengikut ketetapan seperti berikut:

Tarikh : 9 April 2018 (Isnin)

**Tempat : Auditorium Jabatan Perkhidmatan Awam
Aras 4, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Putrajaya**

(Atur cara kursus adalah seperti di **Lampiran B**)

3. Untuk makluman tuan/puan, tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberikan kefahaman dan penghayatan kepada PPT mengenai dasar-dasar baru Kerajaan dalam merealisasikan transformasi dalam Perkhidmatan Awam seterusnya meningkatkan produktiviti penjawat awam. Kursus ini juga bertujuan untuk meningkatkan tahap profesionalisme PPT agar dapat melahirkan pegawai yang berdaya saing, berkemahiran, berwibawa dan berintegriti tinggi. Di samping itu, ia juga turut memberi peluang kepada semua PPT untuk mengeratkan silaturahim, menjalinkan kerjasama dan berkongsi serta bertukar-tukar idea, pandangan dan pengetahuan dalam usaha untuk meningkatkan mutu kerja dan kerjaya.

4. Sehubungan dengan itu, tuan/puan adalah dijemput untuk menghadiri kursus ini. Kerjasama tuan/puan dipohon untuk membuat pengesahan kehadiran dengan mengisi borang kehadiran seperti di **Lampiran C**. Tuan/puan juga adalah diingatkan untuk mendapatkan pelepasan daripada penyelia masing-masing bagi menghadiri kursus ini. Borang yang lengkap hendaklah dihantar **sebelum atau pada 2 April 2018** kepada pihak urus setia seperti berikut:

- a) Puan Nazeema binti Mohamed Yusof
Tel: 017-581 7660
E-mel: yusofnazeema@gmail.com


- b) Puan Rohaya binti Harun
Tel: 03-8885 4341 / 013-346 2321
E-mel: rohaya.harun@jpa.gov.my

5. Segala perhatian dan kerjasama tuan/puan berkenaan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(MOHD ZULKEFLEY BIN MOHD SABRI)
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama
Bahagian Perkhidmatan
b.p. : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

☎ : 03-8885 4110
✉ : zulkefley.sabri@jpa.gov.my

Edaran Dalaman:

YBhg. Datuk PBK

TPBK(K)G

Salinan Kepada:

Tuan Haji Rusli Sulaiman
(Presiden KEPAK)
d/a Jabatan Pengangkutan Jalan
Cawangan Sri Permaisuri
No.1, Jalan Permaisuri 8
Bandar Sri Permaisuri
56000 Cheras
KUALA LUMPUR

**KURSUS PEMANTAPAN DAN HALA TUJU PENOLONG PEGAWAI TADBIR
BAGI TAHUN 2018**

9 APRIL 2018 (ISNIN)

7.30 pagi	Pendaftaran Peserta
8.30 pagi	Ketibaan Jemputan / Ketua Jabatan
8.45 pagi	Ketibaan YBhg. Tan Sri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Nyanyian Lagu Negaraku / Perkhidmatan Awam Bacaan Doa
9.00 pagi	SESI 1 : MAJLIS PERASMIAN & UCAPTAMA OLEH KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM YBhg. Tan Sri Zainal Rahim bin Seman
9.45 pagi	SESI 2 : INTEGRITI DALAM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR Oleh : Unit Laporan Ketua Audit Negara dan Operasi Khas Bahagian Perkhidmatan
10.45 pagi	SESI 3 : KERANGKA BAHARU PENOLONG PEGAWAI TADBIR Oleh : Puan Nazeema binti Mohamed Yusof Universiti Pendidikan Sultan Idris
11.45 pagi	SESI 4: BAKAT, KEUPAYAAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR Oleh : Encik Ahmad Dan bin Setafa Kementerian Pendidikan Malaysia
12.45 tengah hari	MAKAN TENGAH HARI / REHAT
SESI PETANG	
2.30 petang	SESI 5 : ASPIRASI KE ARAH TN50 Oleh : i. Wakil Jabatan Perkhidmatan Awam ii. Wakil Kementerian Belia dan Sukan iii. Duta TN50
4.30 petang	BERSURAI

Kepada
Urus Setia
Kursus Pemantapan dan Hala Tuju
Penolong Pegawai Tadbir,

Puan Nazeema binti Mohamed Yusof – 017-581 7660 / (yusofnazeema@gmail.com)
Puan Rohaya binti Harun – 03-8885 4341 / (rohaya.harun@jpa.gov.my)

**MAKLUM BALAS KEHADIRAN KURSUS PEMANTAPAN DAN HALA TUJU
PENOLONG PEGAWAI TADBIR BAGI TAHUN 2018**

Saya:

No. KP : Jawatan :

Dari Jabatan/Kementerian : No. tel :

E-mel : No. tel. bimbit :

dengan ini : DAPAT HADIR / TIDAK DAPAT HADIR* untuk mengikuti Kursus Pemantapan dan Hala Tuju Penolong Pegawai Tadbir bagi Tahun 2018 yang akan diadakan pada 9 April 2018. *(Potong salah satu)

SOKONGAN PENYELIA

Saya mengesahkan pegawai BOLEH / TIDAK BOLEH* dilepaskan untuk menghadiri kursus tersebut. (* Potong yang tidak berkenaan)

(Tandatangan Penyelia)
Nama :
Cop Jawatan :
Tarikh :

Sila kembalikan borang ini kepada Urus Setia Kursus selewat-lewatnya pada **2 April 2018 (Isnin)**.